

# Jabatan Biomedikal dan Terapeutik UMS anjur 'Jom Sihat Bah'

NST 12.5.2016 4

**TUARAN:** Jabatan Biomedikal dan Terapeutik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Khidmat Kesihatan Masyarakat di Kiulu, di sini baru-baru ini.

Urusetia program, Dr. Nur Zuliani Ramli berkata, program sehari itu diadakan dengan kerjasama Klinik Kesihatan Kiulu, Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK) Kiulu serta Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) di Dewan Masyarakat, kampung Malangang Baru.

"Bertemakan 'Jom Sihat Bah' program ini telah menerima kehadiran kira-kira 100 penduduk setempat iaitu dari kampung Tombung, Namadan, Malangang Baru, Malangang Lama, Ponohton dan kampung Topinahaton," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, program tersebut bertujuan memberi pendidikan dan pemeriksaan kesihatan secara interaktif, selain menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat.

"Dalam masa yang sama, program ini juga bagi mewujudkan hubungan yang rapat antara ahli akademik, pegawai perubatan, kakitangan sokongan dan institusi kesihatan dengan masyarakat Kiulu," tambah Nur Zuliani.

Antara aktiviti yang diadakan termasuklah khidmat pemeriksaan kesihatan bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi, serta mengenal pasti individu yang mempunyai obesiti berat badan.

Turut diadakan kempen derma darah daripada Hospital Daerah Tuaran, sesi khas teknik pemeriksaan payudara bagi peserta perempuan dan pameran poster pendidikan kesihatan mengenai penyakit berjangkit seperti batuk kering dan denggi.

Sementara itu Nur Zuliani memaklumkan, satu ceramah kesihatan yang memberi tumpuan kepada diet sihat untuk pesakit diabetes juga diadakan di samping penerangan berkenaan penggunaan ubat-ubatan yang selamat daripada Unit Farmasi Klinik Kesihatan Kiulu dan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, UMS.

Program tersebut turut dijayakan Pemangku Dekan, FPSK UMS, Prof. Dr. Zainal Arifin Mustapha; Ketua Jabatan Biomedikal dan Terapeutik, Prof. Dr. Urban John Arnold D 'Souza; Pengerusi Penganjur, Dr. Kistina Binti Mohamed; Pengarah Klinik Kesihatan Kiulu, Dr. Hairunisa Hashami dan Pengerusi PPKK Kiulu, Janih Bangud.